


# AGENDA 4.0 (b): Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

## Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Tahun 2021

19 November 2021 | 9.00 pagi | MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING

# LATAR BELAKANG

UPM perlu menentukan **isu luaran dan dalaman yang berkaitan** dengan pelaksanaan ISMS dan isu yang menjejaskan keupayaan untuk mencapai hasil yang diinginkan daripada sistem pengurusan keselamatan maklumat sebagaimana dinyatakan dalam **Klausa 4.1 - Memahami organisasi dan konteksnya**

**4.1 Memahami organisasi dan konteksnya**

Organisasi hendaklah menentukan isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan tujuannya dan isu yang menjejaskan keupayaannya untuk mencapai hasil yang diinginkan daripada sistem pengurusan keselamatan maklumatnya.

MALAYSIAN STANDARD

MS ISO/IEC 27001:2013 (BM)

Teknologi maklumat - Teknik keselamatan - Sistem pengurusan keselamatan maklumat - Keperluan (Semakan pertama) (ISO/IEC 27001:2013, IDT) (Diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia pada tahun 2017)

ICS: 35.040

Perihal: teknologi maklumat, teknik keselamatan, sistem pengurusan keselamatan maklumat, keperluan

© Hak cipta 2017

JABATAN STANDARD MALAYSIA

**Perubahan dalam isu luaran dan isu dalaman keselamatan maklumat** merupakan salah satu **input berkaitan maklum balas prestasi keselamatan maklumat** yang perlu dilaporkan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi memenuhi keperluan **Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 - Klausa 9.3 (b) berhubung perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat**

**9.3 Kajian semula pengurusan**

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semula sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi pada sela masa yang dirancang bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan yang berterusan.

Kajian semula pengurusan hendaklah mengandungi pertimbangan tentang:

a) status tindakan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;

b) perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat;

c) maklum balas tentang prestasi keselamatan maklumat, termasuk trend dalam:

1) ketakakuran dan tindakan pembetulan;

2) hasil pemantauan dan pengukuran;

3) hasil audit; dan

4) pencapaian objektif keselamatan maklumat;

# PERNYATAAN ISU LUARAN DAN DALAMAN ISMS

**Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (Kemaskini 16 Julai 2021)**

DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT




**2.5 Isu Dalaman dan Isu Luaran**

Isu dalaman dan isu luaran yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (http://reg.upm.edu.my/eISO).

**2.6 Pengurusan Risiko**

Penilaian Risiko

Penilaian risiko aset yang berkaitan dilaksanakan berasaskan Metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM (*Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology*) berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005: Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam.

Sebelas (11) langkah utama dalam proses penilaian risiko aset adalah seperti berikut:




e-ISO SISTEM PENGURUSAN ISO UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

| BIL. | PASUKAN ISMS | ISU DALAMAN/LUARAN |
|---|---|---|
| 1. | **Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)** | **Isu Dalaman**<br>1. Gangguan internet semasa hari pendaftaran<br>2. Gangguan pada SMP semasa hari pendaftaran<br>3. Gangguan elektrik semasa hari pendaftaran<br>**Isu Luaran**<br>1. Ancaman siber<br>2. Pandemik COVID-19 |
| 2. | **Pasukan Pusat Data** | **Isu Dalaman**<br>1. Gangguan internet semasa hari pendaftaran dan minggu penilaian pengajaran<br>2. Kerosakan peralatan ICT semasa hari pendaftaran dan minggu penilaian pengajaran<br>3. Kerosakan Genset semasa hari pendaftaran<br>**Isu Luaran**<br>1. Pandemik COVID-19<br>2. Perkhidmatan rangkaian internet oleh Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) terganggu |
| 3. | **Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu)** | **Isu Dalaman**<br>1. Gangguan internet semasa hari pendaftaran<br>2. Gangguan pada SMP semasa hari pendaftaran<br>**Isu Luaran**<br>1. Ancaman siber<br>2. Pandemik COVID-19 |
| 4. | **Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti** | **Isu Dalaman**<br>1. Gangguan pada sistem (perkakasan/perisian)<br>2. Pentadbir Portal *Putra Learning Hub* dan pensyarah tidak mematuhi kaedah/standard dan prosedur/polisi keselamatan teknologi maklumat<br>**Isu Luaran**<br>Tidak berkenaan |

Note

**Penyataan isu dalaman dan isu luaran yang dinyatakan dalam Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat/ Paparan eISO UPM**

# BILANGAN PERNYATAAN ISU DALAMAN DAN LUARAN ISMS 2021










Note

**Pernyataan isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh setiap Pasukan ISMS dan telah dibincang dan disahkan di peringkat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM.**

# BILANGAN PERNYATAAN ISU & PEMBAHAGIAN MENGIKUT PASUKAN ISMS




***Bermula tahun 2021, isu dalaman/luaran ISMS dipecahkan mengikut pasukan ISMS bagi memudahkan pemantauan pelaksanaan tindakan.**

| Pasukan | Bilangan |
|---|---|
| Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang | 5 ISU |
| Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu | 4 ISU |
| Pasukan Pusat Data | 5 ISU |
| Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti | 2 ISU |

Pembahagian **16 isu tahun 2021** mengikut pasukan ISMS

# SYOR

Mesyuarat diminta mengambil makluman dan perhatian:

1. **laporan perubahan isu luaran dan isu dalaman yang relevan** dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO/IEC 27001:2013; dan

2. **Bilangan keseluruhan 16 pernyataan isu dalaman dan luaran ISMS tahun 2021** yang relevan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

JUBLI EMAS
UPM 1971-2021

# Terima Kasih

UniPutraMalaysia @uputramalaysia uniputramalaysia universitiputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE